



马来西亚燕窝商联合会

PERSEKUTUAN PERSATUAN PEDAGANG SARANG BURUNG MALAYSIA

**PERSEKUTUAN PERSATUAN PEDAGANG SARANG BURUNG MALAYSIA  
(Registration No : 0799-08-WKL)**

**Secretariat Office : 19, Lebuh Batu Maung 12/1, 11960 Pulau Pinang.**

**Tel : 017-4614178**

**Fax : 04-6264361**

**Email : ppsbm@gmail.com**

**Minit Mesyuarat Ahli-Ahli Jawatankuasa Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia (PPSB) (02/2013)** yang telah diadakan pada hari Ahad, 22.09.2013, jam 10.30 am bertempat di Olympic Sports Hotel, Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur.

**Hadir :**

- |  |                     |   |
|--|---------------------|---|
| 1. Dato' Tok Teng Sai<br>DSMT, DMPT, ASM, AMN, PJK | Presiden            | Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Terengganu            |
| 2. Dato' Lee Kong Heng<br>DIMP, AMP                | Naib Presiden       | Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Pahang                |
| 3. En. Mah Swee Lye                                | Penolong Setiausaha | Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Selangor              |
| 4. En. Jesse Tang Yu Hang                          | Ahli Jawatankuasa   | Sarawak Bird's Nest Suppliers Association                     |
| 5. En. Khor Swee Hock                              | Ahli Jawatankuasa   | Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Perlis                |
| 6. En. Chaw Soo Peoh                               | Ahli Jawatankuasa   | Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Perak                 |
| 7. En. Loh Siaw Kuei                               | Ahli Jawatankuasa   | Sarawak Bird's Nest Merchants Association                     |
| 8. En. Cheoh Thian Shing                           | Ahli Jawatankuasa   | Persatuan Pemilik Gudang Burung Layang-Layang Negeri Sembilan |
| 9. En. Allen Tan Swee Meng                         | Ahli Jawatankuasa   | Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Negeri Johor       |
| 10. En. Lawrence Tan Meng Kuang                    | Ahli Jawatankuasa   | Persatuan Pengusaha Burung Walit Daerah Kemaman, Terengganu   |

**Tidak Hadir**

- |                                  |                   |   |
|----------------------------------|-------------------|---|
| 1. Cik Carole Loh Chooi Lean     | Setiausaha        | Persatuan Pengusaha Sarang Burung Walit, Pulau Pinang Persatuan |
| 2. En. John Chen Joon Onn, JP    | Bendahari         | Pedagang Sarang Burung Negeri Melaka                            |
| 3. Dato' Chow Liong<br>DIMP, AMP | Ahli Jawatankuasa | Persatuan Pengusaha Sarang Burung Walit Negeri Pahang           |
| 4. En. Liu Thian Leong           | Ahli Jawatankuasa | Sarawak Bird's Nest Import & Export Association                 |

Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa (2/2013)

22.09.2013

Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia

**Dengan Jemputan:**

- |                        |   |
|------------------------|---|
| 1. En. Out Teck Meng   | Juruaudit, PPSB    Persatuan Pedagang Sarang Burung Muar                    |
| 2. En. Lee Koi Chuan   | Persatuan Pengutip dan Pedagang Sarang Burung Perak Utara, Perak (Presiden) |
| 3. En. Pang Kok Sung   | Persatuan Pemilik Gudang Burung Layang-Layang Negeri Sembilan (Presiden)    |
| 4. En. Liw Chong Liong | Pedagang Sarang Burung Negeri Melaka (Presiden)                             |

**Pemerhati:**

- |                      |   |
|----------------------|---|
| 1. En. Loo Chin Choy | Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Selangor (Setiausaha) |
| 2. Cik Yvonne Tan    | Persatuan Pedagang Sarang Burung Muar (Setiausaha)            |
| 3. En. Yap Hong Piow | Pedagang Sarang Burung Negeri Melaka (Ahli Jawatankuasa)      |

	AGENDA	CATATAN
1	<b><u>PENGERUSI</u></b>	
1.1	Dengan mengesahkan kuorum yang mencukupi, mesyuarat dimulakan dengan Dato' Tok Teng Sai, Presiden PPSB sebagai Pengerusi Mesyuarat.	
1.2	Beliau mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli persatuan dari setiap negeri atas kehadiran mereka pada mesyuarat hari ini.	
2	<b><u>MENGESAHKAN MINIT-MINIT MESYUARAT YANG LEPAS</u></b>	
2.1	Minit-Minit Mesyuarat berikut telah dibentangkan untuk kelulusan Ahli-ahli Mesyuarat:-	
2.1.1	Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa yang telah diadakan pada 12.03.2013 (01/2013)	
2.2	Mesyuarat menerima dan mengesahkan minit-minit mesyuarat tersebut atas cadangan En. Allen Tan Swee Meng dan disokong oleh Dato' Lee Kong Heng.	
3	<b><u>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</u></b>	
3.1	<b><u>BERITA INDUSTRI SARANG BURUNG WALIT</u></b>	
3.1.1	Menurut Dato' Tok, pihak China berusaha menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Malaysia kerana Malaysia dianggap rakan perniagaan yang baik.	
3.1.2	Bilangan kilang pemprosesan yang diluluskan serta skalanya terlalu kecil untuk menampung hasil pengeluaran dalam Malaysia. Bilangan itu harusnya ditingkatkan, dan yang sedia ada mesti berkembang supaya dapat menyokong hasil pengeluaran domestik.	
3.1.3	Pengeksportan sarang burung belum proses masih belum menghasilkan keputusan muktamad, dan pihak China akan terus berkomunikasi dengan Tan Sri Ong Ka Ting dalam isu teknikal.	
3.1.4	Dato' Tok juga menyuarakan kehampaan beliau terhadap agensi kerajaan yang selama ini memberi prestasi yang kurang memuaskan. Menteri Pertanian baru yang dilantik juga gagal berjumpa dengan PPSB yang asalnya berjanji dengan pertemuan pada 23 Ogos. Beliau berharap Menteri baru akan mengambil tindakan untuk membantu industri sarang burung walit.	
3.1.5	Dato' Tok juga berharap Perdana Menteri dapat membantu industri ini dengan memberi sedikit sebanyak nasihat semasa lawatan rasmi Pengerusi Negara China Xi Jin Ping.	
3.1.6	Dato' juga melaporkan bahawa setelah 8 buah kilang pemprosesan mendapat kelulusan daripada pihak China, beliau telah berhubung semula dengan Agrobank untuk berbincang tentang bantuan kewangan, dan satu pertemuan dengan bank tersebut akan ditetapkan kemudian.	

	AGENDA	CATATAN
4	<b><u>LANGKAH SELEPAS PINDAAN PERLEMBAGAAN</u></b>	
4.1	Dato' Tok membuka ruang kepada ahli-ahli yang hadir memberi pandangan terhadap perlembagaan baru yang diluluskan oleh ROS. Beliau berpendapat bahawa pembaharuan jawatankuasa perlu diadakan untuk memberi peluang kepada orang baru untuk terus memimpin PPSB.	
4.2	Dato' Tok mencadangkan supaya semua ahli jawatankuasa meletak jawatan untuk mengadakan pilihanraya bagi memilih jawatankuasa baru melalui EGM.	
4.3	En. Mah Swee Lye menyokong cadangan Dato' Tok untuk mengadakan EGM.	
4.4	Dato' Lee Kong Heng menyuarakan kerisauan jika terdapat ahli yang tidak dapat hadir pada hari EGM untuk meletak jawatan, yang akan menggagalkan pemilihan jawatankuasa baru kerana kesemua ahli jawatankuasa sedia ada perlu meletak jawatan bagi membubarkan jawatankuasa sedia ada.	
4.5	Dato' Tok mencadangkan untuk semua ahli jawatankuasa menandatangani surat perletakan jawatan sebelum hari EGM. Mesyuarat bersetuju dan membuat keputusan bahawa surat tersebut hanya berkesan pada hari EGM di mana pemilihan jawatankuasa baru diadakan.	
4.6	En. Jesse Tang mencadang bahawa satu surat disediakan serta-merta bagi semua ahli jawatankuasa yang hadir untuk menandatangani untuk mengelakkan sebarang kerumitan yang akan melambatkan proses semua ahli jawatankuasa meletak jawatan.	
4.7	En. Mah menjelaskan kelemahan sistem pilihanraya secara terus (直选), iaitu PPSB akan terhilang bakat jikalau terdapat dua calon yang berbakat bertanding untuk satu jawatan. Oleh itu beliau menanyakan sama ada kali ini PPSB juga akan terus menggunakan sistem sama.	
4.8	En. Cheoh Thian Shing menanyakan sama ada ahli jawatankuasa berhak menukar sistem pemilihan jawatankuasa dalam mesyuarat jawatankuasa.	
4.9	En. Allen Tan menjelaskan bahawa dalam perlembagaan PPSB tidak tersebut tentang jenis sistem yang mesti digunakan untuk pemilihan jawatankuasa, oleh itu tiada pindaan perlembagaan dan mesyuarat jawatankuasa berhak untuk memutuskan jenis sistem yang akan diguna dalam pemilihan jawatankuasa akan datang.	
4.10	Dato' Lee Kong Heng menyokong cadangan sistem pilihanraya utama (初选), kerana sistem ini akan mengekalkan bakat jika calon telah kalah dia akan kekal menjadi ahli jawatankuasa juga.	
4.11	En. Liw Chong Liong bertanya tentang kelayakan ahli yang berhasrat bertanding dalam pilihanraya, sama ada hanya pengerusi dalam persatuan negeri masing-masing berhak menjadi calon. Jika dihadkan cuma pengerusi dalam persatuan negeri berhak menjadi calon, maka masalah kekurangan bakat akan timbul. Beliau juga bertanya bolehkah calon yang dicadang oleh persatuan negeri diterima untuk bertanding.	

	AGENDA	CATATAN
4.11	Menurut En. Allen Tan, perlembagaan juga tidak menyebut tentang perkara tersebut. Dato' Tok menyatakan bahawa terdapat perbincangan berkaitan isu tersebut, dan keputusannya dipersetujui hanya pengerusi persatuan negeri layak bertanding untuk jawatan Pengerusi PPSB. Mesyuarat menerima kenyataan itu.	
4.12	En. Mah Swee Lye menyatakan jika persatuan negeri berhasrat mencalonkan penjawat lain yang bukannya pengerusi, maka haruslah memberi surat kepada PPSB, kenyataan ini disokong oleh En. Cheoh Thian Shing.	
4.13	En. Allen Tan membangkitkan terdapat sejarah di mana Persatuan Sarawak Bird's Nest Merchant Association melantik setiausaha sebagai wakil tetapi bukannya pengerusi.	
4.14	En. Loh Siaw Kuei yang merupakan pengerusi Sawarak Bird's Nest Merchants Association menjelaskan bahawa keputusan itu dicapai dalam mesyuarat dalaman persatuannya.	
4.15	En. Jesse Tang berpendapat bahawa dalam proses pilihanraya, misi atau hala tuju PPSB mesti dinyatakan dengan jelas supaya ahli-ahli boleh membuat keputusan untuk memilih calon yang lebih sesuai untuk memimpin PPSB dalam masa 2 tahun yang akan datang.	
4.16	En. Mah berpendapat bahawa misi tersebut seharusnya diumumkan oleh pengerusi baru yang dipilih kerana hanya dia sahaja yang jelas kemampuannya sendiri dan apa yang wajar dilakukannya pada masa hadapan.	
4.17	Dato' Lee Kong Heng mengingatkan mesyuarat bahawa calon yang berkeinginan bertanding mesti membayar yuran tahunan kepada PPSB dahulu.	
4.18	En. Allen Tan juga memberi ingatan selain daripada yuran tahunan, kehadiran ahli dalam mesyuarat juga harus diberi perhatian sebagai rujukan kepada ahli-ahli semasa proses pengundian.	
4.19	En. Mah Swee Lye memberi cadangan bahawa melampirkan jadual kehadiran ahli dalam mesyuarat sebagai rujukan semasa proses pengundian.	
4.20	En. Liw Chong Liong membantah kerana terdapat kelemahan pada cadangan tersebut yang membawa ketidak-adilan pada dirinya sebab beliau merupakan orang baru dimana namanya tidak terwujud dalam jadual kehadiran masa lalu.	
4.21	En. Mah Swee Lye bertanya sama ada kertas undian yang terlebih atau kurang mengundi jumlah calon (contohnya mengundi 17 atau 15 calon apabila diminta mengundi 16 calon) masih boleh diterima sebagai kertas undian yang sah.	
4.22	En. Lee Koi Chuan menyatakan kertas undi sah walaupun hanya satu calon dipilih, dan kebiasaannya jumlah calon boleh kurang tetapi tidak boleh lebih.	
4.23	En. Pang Kok Sung bimbang dengan keyantaan tersebut kerana akan timbul kekeliruan semasa proses pengiraan undi sebab jumlah undi setiap ahli berbeza-beza.	

	AGENDA	CATATAN
4.24	Dato' Tok juga tidak bersetuju, untuk mengelakkan sebarang manipulasi serta bertindak adil kepada semua calon, jumlah undi mestilah sama dengan jumlah calon. Kertas undi yang menunjukkan jumlah salah dikira kertas undi tidak sah.	
4.25	En. Liw Chong Liong bimbang dengan kehadiran ahli pada hari EGM.	
4.26	Dato' Tok mengesahkan yang paling penting mempunyai kuorum yang sah untuk mengadakan EGM.	
4.27	En. Mah bertanya sama ada calon mesti hadir pada hari pilihan (EGM).	
4.28	Dato' Lee Kong Heng berpendapat bahawa keputusan soalan tersebut mesti dibuat oleh semua ahli-ahli pada hari EGM.	
4.29	En. Lee Koi Chuan risau pada hari EGM terdapat terlalu banyak kertas undian tidak sah, ataupun terlalu banyak ahli tidak hadir yang akan menggagalkan proses undian. Menurut pengalaman beliau, biasanya bilangan ahli jawatankuasa akan dikawal supaya lebih kecil untuk mengelakkan bilangan ahli yang hadir kurang daripada bilangan ahli jawatankuasa yang dicadangkan. Contohnya PPSB akan memilih 16 orang ahli jawatankuasa tetapi kurang daripada 16 ahli hadir pada hari pilihanraya.	
4.30	En. Mah Swee Lye bertanya sama ada ahli yang berhasrat untuk bertanding tetapi tidak dapat hadir pada hari EGM layak diundi.	
4.31	En. Allen Tan menjawab bahawa seseorang ahli yang sudah menandatangani borang pencalonan bermaksud dia bersetuju menjadi calon, walaupun tidak dapat hadir pada hari pilihanraya, juga berhak bertanding. Dan wakilnya yang hadir pada hari tersebut tidak layak menjadi calon kerana proses pilihan adalah berdasarkan senarai nama calon, dan nama wakil tidak terdapat dalam senarai nama calon.	
4.32	Dato' Tok mengingatkan urus setia untuk memberi borang calonan kepada ahli yang berhasrat menjadi calon untuk mengelakkan ahli yang tidak berkeinginan bertanding dipilih. Dato' berharap hanya ahli yang benar-benar ingin berkhidmat untuk PPSB menjadi calon.	
4.33	En. Allen mencadangkan kedua-dua peringkat pengundian diadakan pada hari yang sama demi menjimatkan masa kesemua ahli.	
4.34	En. Liw Chong Liong bertanyakan cara undian pada peringkat kedua selepas peringkat pertama 16 ahli jawatankuasa telah terhasil. Jika terdapat 2 calon yang bertanding untuk satu jawatan, bagaimana ianya diteruskan.	
4.35	Dato' Tok menerangkan jika situasi tersebut wujud, maka undian secara rahsia akan dijalankan.	
4.36	En. Liw menanyakan penyimpanan satu jawatan Naib Pengetua kepada ahli Sabah/Sarawak.	
4.37	Dato' Tok menjawab bahawa cadangan tersebut hanya satu perbincangan secara lisan dan tidak tercatat dalam perlembagaan.	

	AGENDA	CATATAN
4.38	En. Lee Koi Chuan bertanya sama ada calon yang sudah berjaya diundi sebagai ahli jawatankuasa pada peringkat pertama, apabila bertanding di peringkat kedua untuk sesuatu jawatan, kalah dan bolehkah dia bertanding untuk kali kedua bagi jawatan lain. Contohnya selepas ahli berjaya diundi sebagai ahli jawatankuasa biasa, dalam peringkat kedua ahli tersebut bertanding untuk jawatan Pengerusi tetapi kalah, bolehkah beliau terus bertanding untuk jawatan lain seperti naib pengerusi atau setiausaha?	
4.39	En. Loo Chin Choy mencadangkan untuk menjalankan undian peringkat kedua secara terus tanpa proses penamaan calon. Di mana kesemua 16 ahli jawatankuasa yang berjaya pada peringkat pertama diberi kertas undian untuk memilih calon di antara 16 orang yang dia fikir sesuai untuk menyandang sesuatu jawatan tertentu.	
4.40	Cadangan itu dibantah dan mesyuarat menerima cadangan untuk mengadakan proses penamaan calon pada proses undian peringkat kedua bagi sesuatu jawatan tertentu. Dan jika calon itu kalah dalam pertandingan salah satu jawatan, dia dibenarkan lagi terus bertanding untuk jawatan lain	
4.41	Dato' Tok mengumumkan bahawa tarikh EGM akan ditentukan oleh beliau sendiri, Naib Presiden Dato' Lee Kong Heng dan Setiausaha Carole Loh.	
5	<b><u>PELANTIKAN DR. WEE SEBAGAI WAKIL TEKNIKAL PPSB</u></b>	
5.1	Memandangkan pembentukan jawatankuasa baru telah dekat, Dato' Tok mencadangkan perkara ini ditangguhkan dan dibawa kepada jawatankuasa baru untuk membuat keputusan.	
5.2	Mesyuarat menerimanya sebulat suara.	
5.3	Dato' Lee Kong Heng berpendapat bahawa tanggungjawab pelantikan wakil rasmi atau penasihat harus diberi kepada jawatankuasa baru.	
6	<b><u>HAL-HAL LAIN</u></b>	
6.1	<b><u>PERTEMUAN DENGAN AGROBANK</u></b>	
6.1.1	Dato' Tok mendapat pandangan mesyuarat sama ada untuk menjemput pengeksporth sarang burung walit bukan ahli PPSB yang telah mendapat kelulusan pihak China menyertai pertemuan tersebut.	
6.1.2	En. Jesse Tang berpendapat bahawa PPSB boleh menjemput sesiapa yang berminat untuk menceburi bidang ini menyertai.	
6.1.3	En. Cheoh Thian Shing tidak bersetuju kerana pada pendapat beliau, kebiasaannya persatuan hanya berusaha menjaga kepentingan ahli sendiri.	
6.1.4	En. Liw Chong Liong bersetuju dengan En. Cheoh dan beliau juga rasa wajarnya PPSB membenarkan ahli yang sedang menunggu kelulusan pihak China menyertai.	

	AGENDA	CATATAN
6.1.5	Dato' Lee Kong Heng berpandangan tidak salahnya PPSB hanya menjaga kebajikan ahlinya sendiri, adalah sangat tidak adil kepada ahli jika pengeksport lain bukan ahli menyertai sekali.	
6.1.6	En. Mah Swee Lye rasa pengeksport lain yang bukan ahli PPSB hendak mendapat sebarang bantuan kewangan bolehlah mendapat maklumat melalui cara sendiri.	
6.1.7	En. Allen juga berpendapat bahawa PPSB sebagai penganjur pertemuan tersebut berhak menentukan siapa yang boleh menyertai.	
6.1.8	En. Jesse Tang menyatakan adalah hak Agrobank juga jika ianya menjemput pengeksport lain bukan ahli PPSB untuk turut serta sekali.	
6.2	<p><b><u>PENUKARAN PENERUSI PERSATUAN PEMILIK GUDANG BURUNG LAYANG-LAYANG NEGERI SEMBILAN</u></b></p>	
6.2.1	En. Cheoh Thian Shing membuat keputusan tidak terus memegang jawatan Pengerusi Persatuan Pemilik Gudang Burung Layang-layang Negeri Sembilan. Beliau diganti oleh Pengerusi baru En. Pang Kok Sung.	
6.2.2	Dato' Tok berterima kasih kepada En.Cheoh yang telah lama menjadi ahli jawatankuasa PPSB, atas jasa dan bantuan serta masa yang dikorbankan demi kebaikan PPSB.	
6.3	<p><b><u>MAKLUMAT KINI SISTEM RFID DI NEGERI CHINA</u></b></p>	
6.3.1	Dato' Tok meminta En. Jesse Tang memberi sedikit penerangan tentang penggunaan sistem daya jejak RFID kini dalam negeri China.	
6.3.2	Penerangan En. Jesse Tang:	
i.	Syarikat beliau sudah lengkap menyiapkan sistem daya jejak RFID di Malaysia dan negeri China.	
ii.	Cip sistem tersebut boleh digunapakai bagi hanya satu keping sarang burung sahaja dengan kos yang rendah.	
iii.	Sistem itu merupakan sistem yang hidup dan lengkap, bermaksud subjek yang dijejaki akan terus dikesan walaupun didagangkan beberapa kali oleh peniaga yang berlainan. Di mana sistem lain seperti QR hanya dapat mengesan subjek selepas tahap pertama, maksudnya sarang burung hanya dapat dijejaki sampai pembeli pertama yang membeli dari kilang pemprosesan. Jika pembeli itu menjual sarang tersebut kepada peniaga lain, maka sistem QR akan gagal mengesannya.	
iv.	Jenis maklumat yang mahu didedahkan kepada pengguna juga boleh dikawal, seperti sumber bahan mentah, kedudukan stok dan sebagainya.	
6.3.3.	Dato' Tok menyatakan bahawa sistem RFID sangat popular di negeri China. PPSB membantah pelaksanaan sistem RFID dulu sebab wujudnya konspirasi untuk monopoli. Jika sistem itu terbuka dan kosnya rendah maka PPSB juga boleh melibatkan diri.	



	AGENDA	CATATAN
6.3.4	Menurut En. Jesse Tang, banyak organisasi kerajaan China boleh menerima sistem tersebut dan penglibatan ditaja oleh kerajaan kerana ia merupakan satu keperluan dan kemestian. Kerajaan negeri China telah membuat keputusan bahawa semua barang import mesti mempunyai sistem daya jejak yang boleh ditarik balik apabila timbulnya masalah. Sistem tersebut tidak terhad kepada sistem RFID sahaja.	
6.3.5	En. Jesse Tang juga rasa jika PPSB terlibat, maka PPSB akan mempunyai kedudukan lebih baik dan akan lebih meyakinkan apabila memberi sebarang kenyataan dalam industri.	
6.3.6	Dato' Lee Kong Heng bertanyakan cara pengendalian jika stok dipecahkan kepada berat berlainan, contohnya stok 5kg dipek menjadi 10g, 30g dan sebagainya.	
6.3.7	En. Jesse Tang menjawab ianya boleh dibahagikan kepada bahagian kecil dalam sistem, jika dipek menjadi 5 bungkusan kecil berasingan, maka ianya mesti dibahagikan kepada 5 bahagian dalam sistem dan akan terdapat 5 identiti berlainan.	
6.3.8	Kaedah pembahagian ini juga boleh digunakan semasa pemprosesan sarang dalam kilang pemprosesan.	
6.3.9	Semua maklumat stok akan dimasukkan ke dalam sistem, contohnya berat, jumlah keping dan sebagainya. Jumlah berat sebelum dan setelah stok dibahagikan akan dibandingkan untuk mengelakkan sebarang tindakan penipuan atau penukaran stok.	
6.3.10	Selain itu, proses pembahagian juga akan dipantau oleh kamera video yang boleh ditonton dari internet.	
6.3.11	En. Jesse Tang menyatakan bahawa terdapat banyak persoalan teknikal yang perlu dijelaskan, oleh itu memerlukan lebih banyak masa untuk membuat penerangan.	
6.3.12	Beliau juga berpendapat bahawa PPSB harus menggunakan platform ini untuk terus berkembang masa masa depan.	
6.4	<b><u>STANDARD MALAYSIA</u></b>	
6.4.1	En. Liw Chong Liong bertanya tentang identity Dr. Tan Boon Seong sama ada beliau merupakan wakil PPSB kerana dalam rekod Standard Malaysia beliau mewakili PPSB.	
6.4.2	Dato' Lee Kong Heng menjawab Dr. Tan merupakan bekas Pengerusi Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Johor.	

	AGENDA	CATATAN
6.4.3	En Liw Chong Liong melaporkan bahawa Dr. Tan telah memberi cadangan untuk memasukkan ujian logam berat & kiraan bakteria ke dalam Standard Sarang Burung Walit Belum Proses. Tindakan Dr. Tan telah mengganggu proses penggubalan dan adalah mustahak PPSB memberitahu Standard Malaysia bahawa Dr. Tan tidak mewakili PPSB untuk mengelakkan sebarang salah faham.	
6.4.4	En. Liw juga menyuarakan ketidak puasan terhadap pengendalian PPSB atas perkara berkaitan Standard Malaysia. Beliau berfikir bahawa PPSB telah ketinggalan dalam penglibatan ke atas aktiviti Standard Malaysia. Beliau berasa PPSB harus lebih proaktif dalam penyertaan proses penggubalan Standard Sarang Burung Mentah belum proses.	
6.5	<b><u>PREMIS SARANG BURUNG WALIT DALAM TAPAK WARISAN DUNIA DAN KAWASAN BANDAR</u></b>	
6.5.1	En. Allen Tan membuat laporan tentang satu seminar berkaitan premis sarang burung walit dalam tapak warisan dunia. Seminar tersebut dianjurkan oleh JPV Johor.	
6.5.2	Pengarah JPV Dr. Kamarudin telah menubuhkan satu jawatankuasa kecil yang ahlinya termasuk Pulau Pinang & Melaka. Tujuan utama penubuhan itu adalah untuk menggambarkan perkara yang positif tentang kewujudan premis burung walit dalam tapak warisan dunia.	
6.5.3	Dr. Kamarudin melaporkan bahawa terdapat kumpulan yang khasnya menguruskan tindakan pemecahan premis burung walit di mana telur akan ditetas dan burung kecil akan dibela sebelum dilepaskan ke kawasan liar.	
6.5.4	Oleh itu alasan kekejaman terhadap binatang tidak boleh lagi digunakan dan Dr. Kamarudin menyeru lebih banyak negeri menyertainya untuk mengelakkan keruntuhan premis sarang burung lebih banyak dalam negeri lain.	
6.5.5	Dato' Tok mencadangkan En. Allen Tan mewakili PPSB dalam menguruskan hal-hal berkaitan itu atas hubungan baik beliau dengan Dr. Kamarudin.	
6.5.6	En. Mah Swee Lye melaporkan bahawa kerajaan negeri Selangor bercadang untuk memberi lesen kepada semua premis sarang burung walit selama 3 tahun, selepas itu dalam masa 2 tahun kesemua premis itu mesti dipindah keluar dari kawasan bandar.	
6.5.7	Persatuan Pedagang Negeri Selangor akan mengadakan satu mesyuarat bagi mengumpul cadangan dan nasihat dari ahli-ahli.	
6.5.8	Dato' Lee Kong Heng juga melaporkan bahawa di Kuantan kerajaan tempatan bercadang untuk meruntuhkan premis burung walit tahun lepas. Masalah itu diselesaikan setelah Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Pahang berjanji dengan kerajaan tempatan untuk berhenti memainkan suara luaran premis burung walit dan mematuhi segala peraturan mengikut garis panduan serta SALT oleh JPV untuk megurangkan masalah gangguan bunyi dan kebersihan dalaman premis burung walit.	

	AGENDA	CATATAN
6.6	<p data-bbox="300 226 651 259"><b><u>LAWATAN KE NEGERI CHINA</u></b></p> <p data-bbox="196 293 1182 394">6.6.1 Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Negeri Johor akan menganjurkan satu lawatan ke Guangzhou &amp; Foshan pada 06-Nov sehingga 12-Nov. Kosnya lebih kurang RM3 ribu.</p> <p data-bbox="196 427 1182 495">6.6.2 Maklumat terperinci lawatan tersebut akan diedarkan oleh En. Allen Tan selepas dimuktamadkan.</p> <p data-bbox="300 730 1182 797">Oleh kerana tidak ada perkara-perkara lain yang hendak dibincangkan, Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 petang.</p> <p data-bbox="300 1099 820 1133">Disahkan sebagai catitan mesyuarat yang betul</p> <p data-bbox="300 1525 655 1626">----- Dato' Tok Teng Sai, DSMT.,DMPT.,ASM.,AMN.,PJK. Pengerusi</p>	